

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



Buat julung kalinya, Digital PaperMachine@UiTM telah dilancarkan oleh Naib Canselor UiTM Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor sewaktu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 Pusat Tanggungjawab di bawah seliaan Naib Canselor.

Platform digital yang dihasilkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan Bahagian Transformasi Universiti (BTU) ini bermatlamat sebagai alat sokongan buat staf UiTM menghasilkan penulisan penyelidikan secara sistematik dan cekap. Digital PaperMachine@UiTM merupakan inisiatif UiTM ke arah '1 pensyarah, 1 penulisan'.

Terdahulu, seramai 180 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2022 telah diraikan dalam majlis yang telah diadakan pada 23 Jun 2023 di Hotel UiTM Shah Alam.

